



Headline: Lelaki rugi RM487,000 diperdaya Macau Scam  
Publication/Portal: Berita Harian  
Date: 17 April 2019

Language: Malay  
Section: Jenayah  
Page: 59

# Lelaki rugi RM487,000 diperdaya Macau Scam

➔ Sindiket menyamar pegawai bank tuduh mangsa ada tunggakan kad kredit

Oleh Norsyazwani Nasri dan Shahrinnahar Latib  
bhnews@bh.com.my

► Kuching

**H**anya tujuh hari diperlukan anggota sindiket Macau Scam untuk memperdayakan seorang penjawat awam sehingga mampu meraih keuntungan RM487,000.

Ketua Siasatan Jenayah Komersial Sarawak, Superintendan Mustafa Kamal Gani Abdullah, berkata mangsa berusia lewat 20-an itu menerima panggilan telefon daripada anggota sindiket terbabit yang menyamar sebagai pegawai bank, memaklumkan lelaki berkenaan mempunyai tunggakan kad kredit yang perlu dijelaskan pada 7 April lalu.

"Mangsa menafikan mempunyai kad kredit seperti didakwa sindiket sebelum disambung-

kan ke Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Terengganu.

"Seterusnya, mangsa dituduh terbabit dalam aktiviti penye-ludupan dadah dan menggelapkan wang," katanya dalam kenyataan di sini, semalam.

Beliau berkata, mangsa kemudian diarah membuka akaun bank baharu untuk tujuan penyiasaan audit.

"Dia juga dipaksa menyerahkan butiran perbankan internet akaun baharu kepada suspek.

"Mangsa hanya menyedari dirinya tertipu apabila semakan di bank pada 14 April lalu menunjukkan baki akaunnya kurang RM487,000," katanya, sambil menambah mangsa kemudian membuat laporan di balai polis, kelmarin.

**Guru Kafa rugi RM90,810**

Di Kuantan, seorang guru Kelas al-Quran dan Fardu Ain (Kafa) kerugian RM90,810 selepas ditipu seorang individu memperkenalkan diri sebagai 'Inspektor Narita' yang mendakwa wanita berkenaan terbabit dalam aktiviti pengubahan wang haram.

Guru berusia 44 tahun itu pada mulanya dihubungi pada kira-kira jam 9 pagi, 22 Mac lalu oleh seorang wanita yang mendakwa dirinya pegawai sebuah bank dan memaklumkan mangsa mempunyai tunggakan pinjaman peribadi sebanyak RM50,000.



Mangsa menafikan mempunyai kad kredit seperti didakwa sindiket sebelum disambungkan ke Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Terengganu. "Seterusnya, mangsa dituduh terbabit dalam aktiviti penye-ludupan dadah dan menggelapkan wang"

**Mustafa Kamal Gani Abdullah,**

Ketua Siasatan Jenayah Komersial Sarawak

Mangsa bagaimanapun berkeras tidak pernah membuat sebarang pinjaman peribadi sebelum panggilan disambungkan pula kepada seorang lagi wanita yang memperkenalkan diri sebagai 'Inspektor Narita'.

Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Komersial (JSJK) Pahang, Superintendan Mohd Wazir Mohd Yusof, berkata individu menyamar sebagai 'Inspektor Narita' itu kemudian memaklumkan siasatannya mendapati nama dan akaun mangsa turut terbabit dalam aktiviti pengubahan wang haram.

"Mangsa dimaklumkan oleh suspek, dia perlu membuat bayaran sebanyak RM196,000 untuk tujuan ikat jamin kes berkenaan," katanya dalam satu kenyataan di sini, semalam.

Berikutan itu, mangsa menyerahkan nombor kad ATM bank dan nombor pengenalan peribadi (PIN) kad berkenaan.

Mohd Wazir berkata, pada Ahad lalu, mangsa membuat semakan akaun Bank Rakyat miliknya dan mendapati wang sebanyak RM90,810 sudah lesap dari akaun itu.

"Dia yang menyedari ditipu kemudian membuat laporan di Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Kuantan di sini, semalam (kelmarin). Susulan itu, polis membuka kertas siasatan mengikut Seksyen 420 Kanun Keseksaan kerana menipu," katanya.